



# JABATAN PENDAFTARAN NEGARA MALAYSIA

No 20, Persiaran Perdana, Presint 2  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62551 WP PUTRAJAYA  
MALAYSIA

Tel: 603-8000 8000  
Faks: 603-8880 8288  
Laman Web: [www.jpn.gov.my](http://www.jpn.gov.my)  
E-mel: [pro@jpn.gov.my](mailto:pro@jpn.gov.my)



## SEGERA DENGAN FAKS

Ruj. Kami : JPN.PT:163/2/3 Klt.35 (51)  
Tarikh : 21 Julai 2016

**Ketua Pengarang  
New Straits Times**

Telah difakskan pada **21 JUL 2016**

Tuan,

### **MAKLUM BALAS ADUAN AKHBAR NEW STRAITS TIMES BERTAJUK "MAN WIRHOUT MYKAD FOR 30 YEARS SEEKS PERAK RULER'S HELP" BERTARIKH 20 JULAI 2016, RABU – M.S: 24 (PRIME NEWS)**

Dengan segala hormatnya, saya merujuk kepada aduan mengenai perkara di atas.

2. Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) ingin menjelaskan isu yang dikemukakan oleh Encik R.Ragu berkenaan permasalahan dalam permohonannya untuk memiliki kad pengenalan.

3. Untuk makluman, hasil semakan mendapati Encik R. Ragu telah hadir ke JPN Perak untuk membuat gantian kehilangan Kad Pengenalan Pemastautin Sementara (MYKAS). Walau bagaimanapun beliau enggan membuat bayaran sebanyak RM140.00 kerana kehilangan MyKAS tersebut.

4. Dimaklumkan juga, MyKAS dikeluarkan kepada seseorang yang dilahirkan di Malaysia tetapi taraf kewarganegaraannya tidak dapat ditentukan berdasarkan Akta Pendaftaran Negara 1959 (Akta 78) dan Peraturan-Peraturan Pendaftaran di bawah Peraturan 5(3)(c)(ii) Peraturan-Peraturan Pendaftaran Negara 1990 (pindaan 2001). Ini adalah kerana semasa pendaftaran kelahiran dibuat, status warganegara ibubapa tidak dapat dikenalpasti disebabkan tidak memiliki apa-apa dokumen pengenalan Negara ini atau dokumen pengenalan Negara asing.

5. Oleh yang demikian, JPN menasihatkan beliau untuk hadir ke JPN untuk mengemukakan permohonan gantian MyKAS beliau bagi mengelakkan sebarang kesulitan dalam urusan harian beliau.

Sekian, terima kasih

### **"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menandatangani perintah.

**(FARA MAYA BINTI AHMAD JELANI)**

Pegawai Perhubungan Awam,  
b.p Ketua Pengarah,  
Jabatan Pendaftaran Negara,  
Malaysia.

☎ : 03-88807077

☎ : 03-88808288


✉ : [pro@jpn.gov.my](mailto:pro@jpn.gov.my)

- s.k.:
1. YBr. Tuan KPPN
  2. YBr. TKPPN (P)
  3. YBhg. Dato' TKPPN (O)

RAKYAT DI HATI JPN



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO.: AR 6000



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO.: AR 6000



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO.: AR 6000



CERTIFIED TO ISO/IEC 27001:2005  
CERT. NO.: AR 4783